

# **IMPLIKASI PERJANJIAN LONDON 1824 TERHADAP PERSEMPADANAN DAN EKONOMI PULAU SEBATIK**

**(*The Implications of the Anglo-Dutch Treaty of 1824 on the Demarcation and Economy of Sebatik Island*)**

*Lasmi Lukito*<sup>1</sup>

m20221000777@gmail.com

*Ishak Saat*<sup>2</sup>

ishakhj@fsk.upsi.edu.my

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.<sup>1&2</sup>

Pengarang koresponden (*Corresponding author*): <sup>1</sup>

Rujukan artikel ini (*To cite this article*). Lasmi Lukito & Ishak Saat. (2023). Implikasi Perjanjian London terhadap persempadanan dan ekonomi Pulau Sebatik. *Melayu: Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 16(2), 239–270. [https://doi.org/10.37052/jm.16\(2\)no4](https://doi.org/10.37052/jm.16(2)no4)

Peroleh: <i>Received:</i>	8/1/2023	Semakan: <i>Revised</i>	22/3/2023	Terima: <i>Accepted:</i>	27/3/2023	Terbit dalam talian: <i>Published online:</i>	5/7/2023
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	--	----------

## **Abstrak**

Makalah ini membincangkan tentang implikasi yang berlaku terhadap persempadanan dan ekonomi Pulau Sebatik, akibat daripada Perjanjian London pada 17 Mac 1824 melibatkan dua kuasa kolonial, iaitu pihak British dengan pihak Belanda. Perjanjian ini turut dikenali sebagai sebuah persetiaan yang juga dipanggil sebagai Perjanjian Inggeris-Belanda (1824), yang telah menyelesaikan isu persengketaan antara British dengan Belanda dalam Perjanjian Inggeris-Belanda (1814). Rentetan perjanjian yang melibatkan dua kuasa besar ini, secara tidak langsung memberi implikasi terhadap tanah jajahan masing-masing pada ketika itu. Impak yang besar ini mengakibatkan Kepulauan Melayu dibahagikan kepada dua lingkungan pengaruh, iaitu pengaruh British dan pengaruh Belanda. Akhirnya berlaku perpecahan yang melibatkan Empayar Johor-Riau, apabila Singapura dan Tanah Besar Johor jatuh dalam jajahan British, manakala Kepulauan Riau di bawah jajahan Belanda. Walaupun dilihat perjanjian ini seolah-olah memberi kepuasan yang tuntas kepada kedua-dua kuasa kolonial

tersebut, namun perjanjian ini tidak mampu menamatkan persaingan yang wujud antara kedua-duanya, sebaliknya ekoran perjanjian ini, pihak British dan Belanda dilihat semakin sengit bersaing untuk memiliki tanah jajahan. Keadaan inilah yang berlaku terhadap sebuah pulau yang berada di bahagian utara Borneo, bersempadan dengan Kalimantan Timur (kini Kalimantan Utara), dikenali sebagai Pulau Sebatik. Pulau Sebatik menerima implikasi secara langsung ekoran garisan pembahagian yang melibatkan pulau berkenaan seperti yang termeterai dalam Perjanjian London 1824. Melalui kajian yang dijalankan memperlihatkan garis lurus sempadan tersebut masih kekal sehingga hari ini, melibatkan dua entiti negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Maklumat diperoleh daripada kajian lepas, dokumen rasmi seperti fail dan mikrofilem dan juga fail *Colonial Office* (CO), *Foreign Office* (FO) dan *North Borneo Central Archive* (NBCA) di Arkib Negeri Sabah dan Arkib Negara Malaysia. Dapatan kajian mendapati bahawa Perjanjian London 1824 memberi kesan secara langsung terhadap penduduk yang mendiami Pulau Sebatik bermula selepas era kolonialisasi Barat ini tamat di Malaysia pada tahun 1963 dan di Indonesia pada tahun 1945. Oleh yang demikian, makalah ini akan memaparkan punca utama yang membawa kepada berlakunya Perjanjian London 1824, dan kesannya terhadap Pulau Sebatik khususnya dalam persempadanan dan ekonomi.

Kata kunci: *Inggeris-Belanda, kolonialisme, Perjanjian London, Pulau Sebatik, persepadanan, ekonomi*

### *Abstract*

*This paper discusses the implications that happened to the borders and economy of Sebatik Island as a result of the Treaty of London on March 17, 1824, involving two colonial powers, namely the British and the Dutch. This agreement, known as an oath of allegiance, is also called the Anglo-Dutch Treaty (1824), which resolved the dispute between the British and the Dutch in the Anglo-Dutch Treaty (1814). The agreements involving these two great powers indirectly had implications on their respective colonies at that time. This great impact resulted in the Malay Islands being divided into two spheres of influence, namely the British influence and the Dutch influence. Eventually, there was a split involving the Johor-Riau Empire, when Singapore and the Mainland of Johor fell under British rule, while the Riau Islands were under Dutch rule. Although this agreement seemed to give complete satisfaction to the two colonial powers, it was not able to end the competition that existed between the two said powers. On the contrary, as a result of this agreement, the British and the Dutch were seen to compete more fiercely in having colonies. This was what happened on an island in the northern part of Borneo, bordering East Kalimantan (now North Kalimantan), known as Sebatik Island. Sebatik Island received direct implications due to the dividing line involving the island, as outlined*

*in the Treaty of London of 1824. The study carried out shows that the straight line of the border still remains until today, involving two national entities, namely Malaysia and Indonesia. This study uses qualitative methods. The information is obtained from previous studies, official documents such as files and microfilms, as well as The Colonial Office (CO), Foreign Office (FO) and North Borneo Central Archive (NBCA) in the State Archives of Sabah. The findings show that the London Treaty of 1824 had a direct impact on the people of Sebatik Island, starting after the end of Western colonization in Malaysia in 1963 and in Indonesia in 1945. Therefore, this paper dissects the factors that led to the Treaty of London of 1824, and the effect on the border and economy of Sebatik Island.*


*Keywords:* Anglo-Dutch, colonialism, Treaty of London, Sebatik Island, demarcation, economy

## PENGENALAN

Anglo-Dutch merupakan dua kuasa Barat yang bersaing dalam usaha memperoleh hak tanah jajahan di Kepulauan Melayu sejak abad ke-18 lagi. Namun begitu, persaingan ini banyak diamankan melalui siri perjanjian ataupun persetiaan antara kedua-dua belah pihak agar kepentingan mereka di kawasan terbabit terpelihara. Salah satu perjanjian yang dimeterai oleh kedua-dua kuasa kolonial ini ialah Perjanjian Anglo-Dutch (Perjanjian London) yang ditandatangani pada tahun 1824<sup>1</sup>, dengan menggariskan 17 Perkara seperti yang dinyatakan dalam perjanjian (persetiaan) tersebut;

*His Majesty The King of the United Kingdom of Great Britain and Ireland, and His Majesty The King of Netherlands, desiring to place upon a footing, mutually beneficial. Their respective Possessions and the Commerce of Their Subjects in the East Indies, so that the welfare and prosperity of both Nations may be promoted, in all time to come, without those differences and jealousies which have, in former times, interrupted the harmony which ought always to subsist between them; and being anxious that all occasions of misunderstanding between their respective Agents may be, as much as possible, prevented and in order to determine certain questions which have occurred in the execution of the Convention made at London on the thirteenth of August 1814, in so far it respect the Possession of His Netherlands Majesty in the East, have nominated Their Plenipotentiaries, that is to say.<sup>2</sup>*

Kenyataan ini, jelas menunjukkan bahawa pihak British dan Belanda berusaha memelihara hubungan antara satu sama lain, pada masa yang sama berusaha dengan gigih untuk meluaskan kuasa mereka terhadap wilayah jajahan di Kepulauan Melayu



**Rajah 1** Triti antara Raja England dengan Raja Belanda tentang wilayah dan perdagangan di Hindia Timur.<sup>3</sup>

Sumber: Arkib Negeri Sabah.<sup>4</sup>

pada abad ke-19 dengan cara bersetuju membuat perjanjian damai. Dalam persetiaan ini pihak British dan Belanda bersetuju untuk saling menjaga hak dan kepentingan perdagangan masing-masing dalam wilayah jajahan masing-masing tanpa membuat keputusan yang membawa kepada isu pencabulan persetiaan. Antaranya termasuklah yang berkaitan dengan pembinaan petempatan di mana-mana wilayah jajahan tanpa kebenaran dan pengetahuan salah satu kuasa Barat yang terlibat seperti yang termaktub dalam Perkara 6 Perjanjian Inggeris-Belanda (1824) tersebut:

### **Perkara V**

*Maka adalah dipersetujui bahawa Perintah akan diberikan oleh kedua-dua Kerajaan kepada Pegawai dan Wakil mereka di Timur supaya tidak mendirikan*

*apa-apa Petempatan baru di mana-mana pulau di Laut Timur, tanpa terlebih dahulu memperoleh kebenaran daripada Kerajaan masing-masing di Eropah.* (Terjemahan)<sup>5</sup>

Persetiaan ini menunjukkan bahawa pihak British dan Belanda mampu bertolak ansur dan saling berkompromi untuk mengelakkan wujudnya konflik yang akhirnya merugikan kedua-dua belah pihak.



**Rajah 2** Peta pembahagian kawasan dan pangkalan antara British-Belanda berdasarkan Perjanjian London (1824).<sup>6</sup>

Sumber: Diubah suai daripada peta The Island referred to in Article XII of the 1824 Anglo-Dutch Treaty and 19th correspondence".<sup>7</sup>

Berdasarkan inti pati Perjanjian London (1824), dapat disimpulkan bahawa mana-mana pihak tidak boleh mempertikaikan hak British atas wilayahnya di Pulau Borneo termasuklah pihak Belanda, Sepanyol mahupun kuasa Barat yang lain. Oleh itu, Pulau Borneo dijadikan sebagai kawasan jajahan British sehinggalah pada tahun 1891, sekali lagi isu sempadan dicetuskan oleh pihak Belanda berkaitan dengan garis persempadanan terhadap wilayah di Pulau Borneo. Berikut dengan itu terhasilah satu konvensyen yang dinamakan sebagai Konvensyen 1891. Pada 20 Jun 1891 kerajaan Belanda dan British telah memeterai satu Konvensyen di Kota London yang mentakrifkan sempadan antara wilayah Belanda dengan British di Borneo. Pada Perkara keempat dalam Konvensyen ini, menyatakan bahawa:

#### **Article IV**

*From 4° 10' north latitude on the east coast the boundary-line shall be continued east-ward along that parallel, across the Island of Sebattik; that portion of the island situated to the north of that parallel shall belong unreservedly to the British North Borneo Company, and the portion south pf that parallel to the Netherland<sup>8</sup>*

Tuntasnya, Perjanjian London (1824) secara langsung membawa implikasi yang besar pada tahun-tahun berikutnya, ekoran kedua-dua pihak masih terus bertelagah dalam isu sempadan kawasan tanah jajahan yang telah pun dipersetujui. Buktinya, ekoran perjanjian inilah seterusnya membawa kepada satu konvensyen antara British dan Belanda pada tahun 1891, iaitu selama hampir tujuh dekad tidak mampu diselesaikan sehingga timbul lebih banyak implikasi besar melibatkan masyarakat yang mendiami kawasan wilayah jajahan berkenaan, termasuklah di Kepulauan Borneo.<sup>9</sup> Tahun 1891, Belanda akhirnya akur dan bersetuju dengan pihak British untuk menubuhkan Suruhanjaya Sempadan bagi menetapkan sempadan Borneo Belanda dengan Borneo British. Bertitik tolak daripada penubuhan suruhanjaya ini kedua-dua pihak berjaya menetapkan menggariskan sempadan wilayah jajahan. Persetujuan ini turut memberi kesan terhadap Pulau Sebatik pada tahun 1900.

### **IMPLIKASI PERJANJIAN LONDON TERHADAP PERSEMPADANAN PULAU SEBATIK**

#### **Latar Belakang Pulau Sebatik**

Pulau sebatik berada pada 03°15'00" Lintang Utara dan 155°33'00" Lintang Selatan dan 4°09'24.9" Lintang Utara, 117°47'45.1" Barat Tengah.<sup>10</sup> Keluasan pulau ini ialah 452.4 kilometer persegi yang dibahagikan kepada 204.7 kilometer persegi pada bahagian utara yang dimiliki oleh negara Malaysia, manakala sebahagiannya 247.7 kilometer persegi pula milik negara Indonesia.<sup>11</sup>

Rajah 3 menunjukkan bahawa pembahagian secara garis lurus sebuah pulau menjadi dua bahagian, utara-selatan di bawah pentadbiran dua negara Malaysia-Indonesia sejurus selesai perjanjian antara dua kuasa Barat Inggeris-Belanda pada tahun 1824<sup>12</sup> dan tahun 1891<sup>13</sup>. Didapati bahawa pulau yang terletak dalam garis batas sempadan dua negara ini tidak dipinggirkkan akan pembangunannya, namun proses membangunkan masyarakat di kawasan ini dilihat mengambil masa yang agak lama dan bergerak secara perlahan. Situasi ini berpunca daripada isu hubungan yang wujud antara negara yang terlibat seperti Malaysia dengan Indonesia sendiri dalam aspek pengurusan sempadan negara<sup>14</sup>. Untuk membangunkan Pulau Sebatik ini seiring dengan kawasan lain dalam negara masing-masing memerlukan jalinan



**Rajah 3** Peta Pulau Sebatik.

Sumber: Arkib Negeri Sabah.<sup>15</sup>

kerjasama yang padu dan mapan antara kedua-dua pemilik pulau ini agar penduduk tidak berasa terasing daripada kemajuan yang dinikmati oleh penduduk lain.

Situasi ini wujud disebabkan oleh keunikan pulau ini yang berada di antara perbatasan dua negara yang berjiran antara satu sama lain. Contohnya, aktiviti ekonomi antara Malaysia dengan Indonesia khususnya dalam aktiviti perdagangan sempadan.<sup>16</sup> Aktiviti perdagangan sempadan dijalankan bukan sekadar ingin membangunkan sosioekonomi setempat, malah membuka ruang jalinan kerjasama dengan menjadikan sempadan negara sebagai jambatan ekonomi, dan Pulau Sebatik merupakan lokasi kawasan yang sangat tepat yang menepati ciri bagi situasi sedemikian. Justeru, didapati bahawa dengan perbincangan ini jelas menunjukkan Pulau Sebatik semakin mendapat perhatian dalam kalangan cendekiawan sains sosial untuk meneliti dan menghasilkan banyak lagi kajian dalam usaha mengetengahkan kewujudan dan peranan Pulau Sebatik kepada masyarakat umum.

Pulau Sebatik merupakan sebuah kawasan yang mempunyai keunikan tersendiri akibat pembahagian sempadan antarabangsa terhadap penduduk yang mendiami pulau berkenaan yang ditandai dengan objek dikenali sebagai “patok”<sup>17</sup> oleh masyarakat Sebatik sebagai garis sempadan. Selain itu, terdapat situasi “satu rumah berada dalam dua negara.” Keadaan ini jelas dilihat apabila bahagian depan rumah termasuk ruang tamunya berada di wilayah Indonesia, manakala bahagian dapur rumah tersebut berada dalam wilayah Malaysia.<sup>18</sup>

Sejarah Pulau Sebatik sebenarnya dimulakan oleh masyarakat berbangsa Tidung.<sup>19</sup> Orang Tidung di Pulau Sebatik bermigrasi dalam dua gelombang. Gelombang pertama, migrasi Orang Tidung yang berasal dari daerah Sungai Sebuku.<sup>20</sup> Kenyataan ini dibuktikan lagi dengan wujudnya kuburan tua yang terletak di beberapa kampung, seperti Kampung Sekapuk dan Lapeo. Menurut penduduk tempatan, kuburan tua ini merupakan bukti tinggalan sejarah pada tahun 1836 dikenali “Makam Tua” berada berdekatan dengan hutan paya bakau di pinggir pantai.<sup>21</sup> Gelombang kedua terjadi Ketika Kerajaan Tidung yang berada di Tarakan dikenali sebagai Kerajaan Tenggara, ketika itu dipimpin oleh Datuk Adil (1896–1916), dinyatakan bahawa kerajaan Tidung Tarakan telah menguasai sebanyak lima buah pulau sebagai daerah kedaulatan mereka, iaitu Pulau Tarakan, Pulau Bunyu’, Pulau Mandul, Pulau Nunukan dan Pulau Sebatik yang berada dalam kawasan Kalimantan. Atas perintah Datuk Adil, sebuah



**Rajah 4** Rumah yang berada dalam garisan sempadan Malaysia-Indonesia.

Sumber: Gambar koleksi peribadi penyelidik. Rumah ini juga dikenali sebagai Patok 3<sup>22</sup>

kampung di kawasan Pulau Sebatik telah dibuka pada akhir tahun 1899. Sejak itulah, wujudnya sebuah perkampungan di pulau ini dikenali sebagai Desa Setabu.<sup>23</sup>

Terdapat juga dapatan sejarah yang diperoleh daripada penduduk kampung lain yang berada di Pulau Sebatik. Dinyatakan bahawa Pulau Sebatik dipercayai mula dihuni pada awal abad ke-20 setelah penduduk yang berada di sekitarnya memohon perkenan kepada Sultan Bulungan terlebih dahulu pada tahun 1900 untuk membuka wilayah tersebut.<sup>24</sup> Bagi memperkenan permohonan penduduk kampung tersebut, baginda Sultan telah mengenakan dua syarat yang perlu dipenuhi sebelum membuka kawasan perkampungan di pulau ini. Syarat pertama yang dikenakan oleh baginda Sultan ialah penduduk kampung perlu mempunyai wakil yang mampu memandikan jenazah. Syarat kedua, perlu ada dalam kalangan penduduk ini mahir dalam perbidanan bagi kemudahan menyambut kelahiran bayi. Di samping itu, terdapat satu lagi catatan sejarah versi Indonesia, kampung pertama yang wujud di kawasan Sebatik dikenali sebagai Kampung Setabu yang dibuka pada tahun 1913, dengan diketuai oleh Sulaeman sebagai Ketua Kampung pada ketika itu. Beliau dikatakan berbangsa Tidung dan merupakan penduduk terawal yang datang dan menetap di kampung ini.<sup>25</sup> Ketika penyelidik melakukan tinjauan awal, Desa Setabu ini masih berada di kawasan Sebatik dalam jajahan Indonesia.<sup>26</sup>


Fakta ini selari dengan kenyataan bahawa Pulau Sebatik merupakan bahagian pulau yang tidak terpisah dari wilayah pemerintahan Kabupaten Bulungan. Namun begitu, pada tahun 1999 berlaku perkembangan terhadap Kabupaten Bulungan dengan wujudnya sebuah lagi kawasan baharu yang dikenali sebagai Kabupaten Nunukan yang berada di Pulau Nunukan.<sup>27</sup> Melalui penerbitan Undang-Undang Nombor 47 Tahun 1999 yang melibatkan beberapa penubuhan kabupaten seperti Kabupaten Nunukan, Kabupaten Malinau, Kabupaten Kutai Barat, Kabupaten Kutai Timur dan Kabupaten Kota Bontang. Pada ketika itu, wilayah pentadbiran Kabupaten Nunukan merangkumi wilayah Kecamatan Nunukan, Kecamatan Sebatik, Kecamatan Sembakung, Kecamatan Lumbis dan Kecamatan Krayan.

## **Profil Pulau Sebatik**

Pulau Sebatik terdiri daripada dua pentadbiran yang berbeza, ditadbir oleh dua negara yang berbeza. Pulau Sebatik bahagian utara terletak di daerah Tawau, Sabah dalam negara Malaysia dengan keluasan 187.23 kilometer persegi. Pada bahagian selatan pulau termasuk dalam kawasan Kabupaten Nunukan,<sup>28</sup> Propinsi Kalimantan Utara milik negara Indonesia dengan keluasan sekitar 246.61 kilometer persegi.<sup>29</sup> Luas wilayah Kabupaten Nunukan ialah 14,253.68 kilometer persegi atau 7.06% peratus daripada jumlah luas Provinsi Kalimantan Timur dan wilayah lautannya sejauh 4 mil laut dari garis pantai terluar ke arah laut seluas 1,408,758 kilometer

persegi. Wilayah Kabupaten Nunukan terdiri daripada lapan Kecamatan pada tahun 2008, iaitu Kecamatan Krayan, Kecamatan Krayan Selatan, Kecamatan Lumbis, Kecamatan Sembakung, Kecamatan Nunukan, Kecamatan Sebuku, Kecamatan Sebatik dan Kecamatan Sebatik Barat.<sup>30</sup>

Daerah Tawau pula dikenali sebagai sebuah daerah yang berada di bahagian timur negeri Sabah dan di sinilah termasuknya Pulau Sebatik bahagian Malaysia. Daerah Tawau bermula sebagai sebuah desa kecil dengan kira-kira 200 orang penduduk pada tahun 1892 atau kira-kira 130 tahun yang lalu. Pada tahun 1931, jumlah penduduk di sini meningkat menjadi 1840 orang, kemudian menjadi 4,282 orang pada tahun 1951. Sementara ketika Sabah menyertai penggabungan membentuk gagasan Malaysia pada tahun 1963, penduduknya berjumlah 8000 orang. Seterusnya banci tahun 1970 menunjukkan jumlah penduduk di Tawau seramai 24,247 orang.<sup>31</sup> Pada tahun 1980 pula kira-kira seramai 58,000 orang penduduk yang menetap di daerah Tawau seperti yang ditunjukkan pada Rajah 5.



**Rajah 5** Banci penduduk dan perumahan Malaysia, 1980.

Sumber: Arkib Negeri Sabah.<sup>32</sup>

Seterusnya pada tahun 2019, banci yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Sabah, mendapati penduduk di Tawau meningkat kepada 514,000 orang.<sup>33</sup>

Kedudukan daerah Tawau yang berada di pinggiran perairan Sabah, meletakkan daerah ini sebagai daerah penting untuk aktiviti ekonomi bercorak kelautan berikutan fungsinya sebagai pelabuhan yang menghubungkan antara negara Malaysia dengan negara Indonesia.<sup>34</sup> Lebih-lebih lagi kedudukan Pulau Sebatik yang sememangnya berada pada garis batasan kedua-dua negara berkenaan. Yang berikut merupakan anggaran kluasan Pulau Sebatik yang melibatkan dua negara jiran yang menjadi pemilik Pulau Sebatik.

**Jadual 1** Pulau Sebatik mengikut wilayah sempadan antarabangsa.<sup>35</sup>

Pulau Sebatik	Anggaran kluasan (km <sup>2</sup> )	Anggaran Keluasan (Ha/Ekar)	Peratus Keluasan (%)
Wilayah Malaysia	200.47	20,047.17	44.84
Wilayah Indonesia	246.62	24,661.00	55.16
Jumlah	447.08	44,708.17	100.00

Sumber: Adaptasi Jabatan Tanah dan Ukur (WWW.jtuwma), 2006.<sup>36</sup>

Terdapat tiga kaum utama yang tinggal dan menetap di pulau ini sejak kewujudannya pada tahun 1900. Seperti yang digambarkan pada awal latar belakang makalah ini, kaum Tidung<sup>37</sup> merupakan penduduk asal kawasan ini, yang kemudiannya mengalami evolusi dari semasa ke semasa dengan kehadiran masyarakat Bugis, Jawa, serta Flores yang berada di Sebatik, Indonesia. Masyarakat Bugis dan Bajau pula hadir sebagai imigran di Sebatik, Malaysia.

Bangsa Tidung yang menjadi pelopor di Pulau Sebatik suatu ketika dahulu kini menjadi masyarakat minoriti berbanding masyarakat Bugis yang tinggal menetap di sini. Kaum Tidung di kawasan Sebatik Indonesia contohnya, hanya dilihat berkembang di tiga kecamatan sahaja berbanding bangsa Bugis yang menetap seterusnya berkembang di kelima-lima buah kecamatan yang ada di pulau berkenaan.<sup>38</sup> Orang Tidung yang wujud dan bermukim di Sebatik berasal daripada pelbagai subsuku Tidung daripada kelompok Tidung Sebuku, kelompok Tidung Sembakung dan kelompok Tidung Sesayap yang terus menetap di sini setelah terlibat dalam peristiwa Konfrontasi melibatkan Indonesia dan Malaysia.<sup>39</sup> Penyataan ini seiring dengan kenyataan yang dikemukakan oleh Sugih Biantoro, membuktikan bahawa penduduk asli Sebatik ialah suku (orang) Tidung.<sup>40</sup>

Masyarakat Bugis juga wujud dan berkembang di sini selari dengan kaum imigran yang lain. Bugis merupakan perantau yang berasal dari Sulawesi Selatan yang sering digelas Pasompe' oleh masyarakat Bugis. Kaum ini semakin ramai setelah peristiwa

Konfrontasi Malaysia-Indonesia berlaku pada tahun 1963 sehingga 1966.<sup>41</sup> Suku Bugis mula bermastautin di Kecamatan Sebatik, Kabupaten Nunukan ini apabila mereka tidak boleh kembali semula ke Indonesia kerana faktor jarak yang jauh dan berasa aman di sini.<sup>42</sup>

Kedatangan bangsa Bugis di kawasan ini berpunca daripada perhubungan dua hala yang sudah lama terjalin antara Malaysia dengan Indonesia pada tahun 1967 lagi dengan menjadikan daerah Tawau bersama dengan Kota Nunukan sebagai pusat perdagangan. Hubungan yang wujud pada ketika ini menjadikan Pulau Sebatik sebelah timur<sup>43</sup> sebagai tali penghubung yang pada awalnya hanya kawasan persinggahan, namun menjadi penempatan yang kekal buat masyarakat Bugis di pulau ini khususnya di kawasan Sungai Pancang.<sup>44</sup> Bermula daripada pembukaan tanah untuk aktiviti penanaman dan pertanian bagi memenuhi keperluan harian, akhirnya terbentuk sebuah perkampungan yang didominasi oleh bangsa Bugis di Sungai Pancang, Sebatik Malaysia dan di Desa Sei Pancang, Sebatik Indonesia.<sup>45</sup>

Namun begitu, situasi yang berbeza dilihat di kawasan Sebatik, Malaysia, yang menunjukkan bangsa Tidung dan Bugis berkembang seiring dengan menjadi masyarakat majoriti dalam lima belas buah kampung yang terdapat di kawasan tersebut. Kedatangan etnik Bugis di Tawau dinyatakan berasal dari Kepulauan Sulawesi Selatan, Indonesia, kemudian datang ke Tawau seterusnya bekerja dan menetap di sini. Situasi ini dijelaskan dengan penghijrahan pertama etnik Bugis ke Sabah pada tahun 1865, khususnya di Tawau dan berkembang sehingga memasuki kawasan Pulau Sebatik, Malaysia pada masa kini.<sup>46</sup> Kumpulan etnik Bugis ini merupakan generasi awal yang turut dianggap sebagai Bugis-Melayu. Situasi ini diperkuat dengan bukti yang menyatakan bahawa Daeng Mapata, iaitu seorang saudagar atau pedagang Bugis yang terkenal telah belseyar bersama-sama beberapa orang rakannya bermula dari laut Sulawesi ke Singapura dan seterusnya ke Johor. Kemudian, beliau telah singgah di sekitar kawasan yang pada hari ini dikenali sebagai daerah Tawau. Semenjak itu, mereka telah mewujudkan petempatan di kawasan berkenaan yang turut berkembang di setiap kawasan daerah Tawau.<sup>47</sup>

Rentetan daripada itu, komuniti Bugis yang memiliki status taraf kewarganegaraan Malaysia<sup>48</sup> telah membolehkan mereka menjadi sebahagian daripada masyarakat Malaysia dan tinggal menetap di bahagian timur Sabah. Terdapat juga sebahagian daripada komuniti Bugis ini masih memiliki kerakyatan Indonesia yang memilih untuk tinggal di kawasan sempadan negara, seperti di Pulau Sebatik, khususnya kawasan Sungai Aji Kuning (Malaysia) – Desa Sei Aji Kuning (Indonesia).<sup>49</sup> Sekitar awal tahun 1890-an, kawasan sempadan ini mula diterokai khususnya sejurus pembentukan kampung secara formal di bahagian wilayah Indonesia wujud. Justeru, komuniti Bugis di daerah Tawau dan di kawasan sempadan Sungai Aji Kuning – Desa

Sei Aji Kuning berasal dari wilayah yang sama, iaitu Kepulauan Sulawesi Selatan. Malah, terdapat sebilangan mereka yang masih mempunyai pertalian kekeluargaan. Oleh yang demikian, walaupun sebahagian mereka berbeza kewarganegaraan, namun masih disatukan menerusi etnik yang sama, iaitu etnik Bugis.

### **Pulau Sebatik Wilayah Malaysia**

Pulau Sebatik dalam kawasan Malaysia terdiri daripada 15 buah kampung, iaitu Kampung Wallace Bay, Kampung Mentadak Baru, Kampung Rancangan Bergosong (besar dan kecil), Kampung Sg. Tamang (lama dan baru), Kampung Sg. Tongkang, Kampung Serudung Laut, Kampung Lahat-Lahat, Kampung Sg. Melayu, Kampung Sg. Hj. Kuning, Kg. Pisak-Pisak, Kampung Sg. Pukol, Kampung Lahi, dan Kampung Sg. Limau.<sup>50</sup>

Dari sudut geopolitik, Pulau Sebatik merupakan salah satu Dewan Undangan Negeri Sabah (DUN 60 Sebatik) yang termasuk di bawah pentadbiran Parlimen Kalabakan (P191).<sup>51</sup>

**Jadual 2** Profil dan keluasan kampung di Pulau Sebatik, Malaysia.

<b>Nama kampung</b>	<b>Keluasan (ekar)</b>
Kg. Lahat-Lahat	90
Kg. Wallace Bay	198.63
Kg. Sg. Pisak-Pisak	300
Kg. Sg. Limau	400
Kg. Sg. Lahi	300
Kg. Sg. Melayu	500
Kg. Sg. Tongkang Lama	200
Kg. Bergosong Besar	1250
Kg. Bergosong Kecil	1250
Kg. Serudung Laut	500
Kg. Sg. Tamang Lama	300

<b>Nama kampung</b>	<b>Keluasan (ekar)</b>
Kg. Sg. Tongkang	2987
Kg. Mentadak Baru	600
Kg. Sg. Tamang Baru	500
Kg. Sg. Pukul	7 batu persegi


Sumber: Pejabat UPPM, Sebatik (2016).

Keluasan Pulau Sebatik bahagian Malaysia yang terletak di utara berjumlah 204.7 kilometer persegi dan menempatkan 15 buah kampung yang dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kampung tradisi dan kampung rancangan (rujuk Jadual 2). Kampung tradisi terdiri daripada Kg. Lahat-Lahat, Kg. Wallace Bay, Kg. Sg. Pisak-Pisak, Kg. Sg. Limau, Kg. Sg. Lahi. Kg. Sg. Melayu, Kg. Sg. Tamang lama, Kg. Sg. Tongkang lama. Kg. Bergosong besar, Kg. Bergosong kecil dan Kg. Serudung Laut. Kampung rancangan pula terdiri daripada beberapa buah kampung, iaitu Kg. Sg. Tongkang, Kg. Mentadak Baru dan Kg. Tamang Baru.<sup>52</sup>

### **Pulau Sebatik, Wilayah Indonesia**

Pulau Sebatik memiliki keluasan wilayah sekitar 247.5 kilometer persegi, dengan secara geografi terletak pada 117 darjah 40' Barat Tenggara – 117 darjah 54' Barat Tenggara dan 4 darjah 02' Lintang Utara – 4 darjah Lintang Utara.<sup>53</sup> Pada awalnya pulau ini hanya memiliki dua kecamatan sahaja, iaitu Kecamatan Induk dan Kecamatan Sebatik Barat. Kemudian, pada tahun 2011 pulau tersebut dikembangkan kepada lima kecamatan dengan penambahan tiga kawasan kecamatan baharu, iaitu Kecamatan Sebatik Tengah, Sebatik Utara dan Sebatik Timur.<sup>54</sup> Kabupaten Nunukan ini termasuk dalam wilayah pentadbiran kerajaan Indonesia yang dikategorikan sebagai pulau terluar. Negara Indonesia memiliki lebih daripada 92 pulau yang berada dalam wilayah pemerintahannya setelah mencapai kemerdekaan daripada Kolonial Belanda pada 17 Ogos 1945.

Bahagian selatan Pulau Sebatik berada dalam Provinsi Kalimantan Timur yang berada dalam Kabupaten Nunukan, Indonesia. Wilayah perbatasan Kalimantan merupakan wilayah perbatasan yang berinteraksi dengan negara jiran, baik dalam aspek perdagangan, keperluan tenaga kerja maupun hubungan sosial, di samping keakraban dalam hubungan persaudaraan. Sempadan darat yang melibatkan kawasan Kalimantan dengan negara Malaysia khususnya negeri Sabah dan Sarawak,



**Rajah 6** Kawasan perbatasan Pulau Kalimantan.

Sumber: Arkib Negeri Sabah, 15 Mac 1965.<sup>55</sup>

bermula dari bahagian hujung timur Kalimantan Timur sehingga ke bahagian barat di Kalimantan Barat secara tidak langsung mengaitkan kawasan Pulau Sebatik yang dimiliki oleh dua buah negara.<sup>56</sup>

Daerah Nunukan berada antara  $115^{\circ}33' - 118^{\circ}3$  Bujur Timur dan  $3^{\circ}15'00 - 4^{\circ}24'55'$  Lintang Utara. Nunukan merupakan wilayah utara dari Provinsi Kalimantan Timur, Indonesia. Daerah Nunukan memiliki keluasan wilayah 14,263.68 kilometer persegi yang terbahagi menjadi sembilan subdaerah, iaitu Krayan, Krayan Selatan, Lumbis, Sembakung, Nunukan selatan, Sebuku, Sebatik dan Sebatik barat. Secara keseluruhannya, Nunukan memiliki jumlah penduduk sebanyak 140,841 orang dengan 75,171 orang lelaki dan 65,670 orang perempuan.<sup>57</sup>

## IMPLIKASI TERHADAP EKONOMI PULAU SEBATIK

Perkembangan ekonomi di Pulau Sebatik berlaku bermula sejak pulau ini dibuka oleh bangsa Tidung yang dipercayai bangsa terawal mendiami kawasan ini. Bermula dengan aktiviti bercucuk tanam dan menternak binatang bagi kelangsungan hidup pada tahun 1900, iaitu awal pembukaan Pulau Sebatik di bahagian selatan. Evolusi berlaku apabila masyarakat yang datang ke kawasan ini semakin bertambah, seiring

dengan kehendak dan keperluan masyarakat setempat. Ekonomi yang dijalankan di sini adalah seperti aktiviti pertanian, kelautan serta perdagangan yang melibatkan dua Sebatik Utara dan Sebatik Selatan. Penglibatan ekonomi di bahagian utara secara tidak langsung melibatkan kawasan utama di bahagian tersebut, iaitu bandar Tawau, sebuah daerah yang termasuk dalam negeri Sabah. Pada bahagian selatan pula, melibatkan kawasan ibu kota Nunukan yang menjadi pusat utama perdagangan atau aktiviti pemasaran dan penjualan barang dari kawasan Sebatik. Pulau Sebatik, Kabupaten Nunukan (dikenali sebagai Kecamatan Sebatik), kaya dengan pelbagai sumber alam dan kegiatan seperti perkebunan koko, kelapa sawit dan penanaman buah pisang yang menjadi salah satu aktiviti ekonomi masyarakat setempat. Penanaman ketiga-tiga tanaman ini dapat dilihat di sepanjang perjalanan dari Desa Bambangan ke Gunung Menangis, Bukit Keramat ke Desa Aji Kuning dan seterusnya di Desa Sungai Nyamuk yang juga merupakan jalan penghubung (jalan lintas tengah) dari utara ke selatan kawasan Sebatik.

## **Perdagangan**

Aktiviti perdagangan di kawasan Sebatik Utara melibatkan tiga kawasan petempatan seperti Kampung Wallace Bay, Kampung Mentadak Baru, dan Kampung Sungai Tamang. Kegiatan perdagangan berjalan lancar di tiga kawasan petempatan ini disebabkan oleh keadaan geografi kedudukan kawasannya yang berhampiran dengan sungai dan laut. Secara langsung, kawasan ini menjadi penghubung ke pelabuhan Tawau (dipanggil kawasan seberang Tawau) bagi membawa hasil perdagangan dan melakukan sistem jual beli di kawasan berkenaan.

Berdasarkan kajian Pelan Induk Bagi Pembangunan Pelabuhan di Sabah 1975–1995, menunjukkan bahawa Pelabuhan Tawau perlu menjalani pengubahsuaian dan pembesaran ekoran daripada fungsi kemudahan pelabuhan yang semakin memberangsangkan. Dalam kajian ini, terdapat tiga kemungkinan yang perlu dilakukan bagi tapak projek pembesaran Pelabuhan Tawau, iaitu sama ada dijalankan di Tanjung Batu, di Herherr Point atau pun di pelabuhan yang sedia ada.<sup>58</sup> Lalu, hasil daripada perbincangan dan kajian yang dilaksanakan, akhirnya pada bulan September 1976, kerajaan negeri bersetuju untuk membuat projek pembesaran pelabuhan Tawau di tapak sedia ada pada masa itu. Kemudian pada April 1978, kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek pembesaran Pelabuhan Tawau dan melantik juruperunding untuk mereka bentuk pelan pembesaran pelabuhan ini pada bulan Oktober 1978.<sup>59</sup>

Peranan Pelabuhan Tawau dalam sektor ekonomi kawasan setempat adalah sangat penting dan banyak membantu perkembangan aktiviti perdagangan lintas sempadan di antara Tawau dengan Nunukan, dengan menjadikan Pulau Sebatik sebagai penghubung utama. Dalam penelitian dan kajian yang dijalankan oleh



**Rajah 7** Kawasan Pelabuhan Tawau.<sup>60</sup>

Sumber: Gambar koleksi peribadi penyelidik.

penyelidik, terdapat tiga buah kampung yang berada di kawasan Pulau Sebatik, Tawau menggunakan pelabuhan Tawau untuk mendapatkan barang dan keperluan harian seperti jeti Kampung Sungai Tongkang, Jeti Kampung Sungai Tamang dan Jeti Kampung Wallave Bay yang mempunyai jadual perjalanan kapal setiap hari.

Keadaan yang sama juga dilihat apabila kawasan perairan kampung Haji Kuning, Pulau Sebatik Tawau pula berperanan menghubungkan Malaysia, khususnya daerah Tawau, Sabah, dengan Indonesia melalui perhubungan air di jambatan memasuki Desa Sei Aji Kuning, Kecamatan Sebatik, Kabupaten Nunukan. Terdapat kajian yang dinyatakan oleh masyarakat Indonesia<sup>61</sup> bahawa:

Tidak sulit menemukan barang kebutuhan sehari-hari warga Sebatik yang diproduksi oleh Negara Malaysia, padahal Sebatik bagian Selatan ini bukan termasuk dalam wilayah Malaysia, melainkan wilayah Indonesia. Justru yang terjadi sebaliknya, di mana kita akan lebih sulit menemukan barang-barang produksi dalam negeri sendiri di Sebatik wilayah Indonesia ini. Seandainya di lakukan survei ke rumah-rumah warga yang ada di Sebatik maka dapat dipastikan tidak seorang pun dari warga Sebatik yang tidak menyimpan atau mengonsumsi barang produk Malaysia, sebab kebutuhan warga Sebatik mulai daripada barang yang berada di dapur seperti gas untuk memasak, yang ada di ruang keluarga atau tamu seperti peralatan elektronik, sampai ke bahan bangunan pun seperti batu gunung, didatangkan dari Malaysia.



**Rajah 8** Pelabuhan Tawau (pandangan dari arah jeti Kampung Sungai Tamang, Pulau Sebatik).  
Sumber: Gambar koleksi peribadi penyelidik.



**Rajah 9** Jeti Kampung Sungai Tamang.  
Sumber: Gambar koleksi peribadi penyelidik.



**Rajah 10** Jeti Kampung Mentadak Baru.

Sumber: Gambar koleksi peribadi penyelidik.



**Rajah 11** Pelabuhan Tawau (pandangan dari Jeti Kampung Mentadak Baru, Pulau Sebatik).  
Sumber: Gambar koleksi peribadi penyelidik.

Keadaan ini dibuktikan juga melalui maklumat yang diperoleh daripada penduduk Desa Sei Taiwan, Kecamatan Sebatik Tengah, yang memperlihatkan barang keperluan yang terdapat di rumah mereka, sebenarnya 80% merupakan barang yang dibeli dari negara Malaysia, melalui Kampung Sungai Haji Kuning, Pulau Sebatik, Tawau.

Aktiviti perdagangan di kawasan Sebatik selatan pula melibatkan kawasan Kecamatan Barat yang melaksanakan kegiatan perusahaan rumpai laut yang akan dieksport ke luar negara Indonesia. Pelabuhan yang menjadi penghubung di antara Pulau Sebatik, Indonesia dengan daerah Tawau, Sabah ialah kawasan yang terletak di Sungai Nyamuk, Sungai Pancang dan Sungai Aji Kuning.

Perdagangan lintas sempadan antara Sabah dan Kalimantan secara informal telah wujud sebelum termeterainya Perjanjian Lintas Sempadan Malaysia-Indonesia pada tahun 1967. Di bawah perjanjian itu, Jabatan Imigresen Sabah akan mengeluarkan pas lantas sempadan kepada penduduk yang menetap di sepanjang sempadan bagi membolehkan mereka melawat saudara mara di Kalimantan dalam lingkungan 5 kilometer dari sempadan.<sup>62</sup> Begitu juga bagi pihak Indonesia yang akan mengeluarkan Pas Lintas Batas (PLB) kepada penduduk tempatannya yang ingin berkunjung ke kawasan di Sabah yang berada dalam lingkungan 5 kilometer. Pintu keluar masuk utama sempadan Sabah-Kalimantan Barat ialah Tawau-Pulau Nunukan dan Tawau-Pulau Sebatik.

Sebaliknya, daerah Tawau dijadikan sebagai daerah pemasaran hasil bumi dan perikanan dari kawasan Sebatik, Indonesia. Keadaan ini menunjukkan bahawa masyarakat Pulau Sebatik sememangnya menjadikan Tawau sebagai tempat pemasaran barang mereka tidak kira sama ada barang dari Sebatik Utara mahupun dari Sebatik Selatan.<sup>63</sup> Keadaan ini menunjukkan bahawa aktiviti ekonomi masyarakat Sebatik Selatan (kawasan Indonesia) sebenarnya didasari oleh sistem ekonomi yang wujud di Sebatik Utara, daerah Tawau, Sabah. Hal ini membuktikan bahawa sistem ekonomi masyarakat Tawau sebenarnya banyak mempengaruhi kemajuan dan perkembangan sistem ekonomi masyarakat yang berada di kawasan Pulau Sebatik ini.

Seterusnya dari segi pembangunan ekonomi di kawasan Pulau Sebatik menunjukkan bahawa pulau ini dijadikan sebagai pintu penghubung dalam jalinan hubungan ekonomi yang melibatkan dua negara, Malaysia-Indonesia.<sup>64</sup> Dalam dapatan Fauzie Sarjono, yang memfokuskan aktiviti perdagangan sebagai aktiviti utama oleh penduduk Pulau Sebatik yang melibatkan dua hala antara Malaysia dengan Indonesia. Jalinan kerjasama telah wujud bermula tahun 1967 antara Malaysia-Indonesia menerusi *Basic Arrangement on Border Crossing & Basic Arrangements on Economi and Trade Relations* dengan melibatkan barang keperluan harian termasuk barang dan peralatan isi rumah serta perkakasan yang diperlukan oleh



**Rajah 12** Perusahaan rumpai laut untuk dijual ke luar negara, terletak di Sei Sg. Taiwan. Sumber: Gambar koleksi peribadi penyelidik.

industri.<sup>65</sup> Situasi ini selari dengan hasrat kerajaan Malaysia yang ingin menjadikan kawasan Pulau Sebatik sebagai kawasan tarikan pelancongan bagi membangunkan ekopelancongan di kawasan tersebut. Buktinya, Kampung Sungai Melayu yang terletak bersempadan di antara Sebatik, Tawau, dengan Kecamatan Sebatik, Nunukan berpotensi untuk dibangunkan kerana kawasan ini memiliki banyak spesies hidupan liar yang menjadi tarikan kepada pelancong.<sup>66</sup> Keadaan ini sedikit sebanyak membantu untuk meningkatkan kawasan ini dari aspek pembangunan ekonomi.

Menyedari keadaan ini, kerajaan Indonesia juga membangunkan ekonomi Kecamatan Sebatik, Kabupaten Nunukan pada tahap yang lebih optimum bagi membantu kelangsungan hidup penduduknya. Menurut Nugoro Eko Putro, pemimpin republik Indonesia telah membina dua bank pemerintahan di kawasan ini, iaitu Bank Rakyat Indonesia (BRI) dan Bank Negara Indonesia (BNI) agar penduduk tidak perlu ke kota Nunukan untuk mendapatkan perkhidmatan bank bagi tujuan transaksi



**Rajah 13** Aktiviti masyarakat Sei Sg. Nyamuk

Sumber: Gambar koleksi peribadi penyelidik.

perdagangan.<sup>67</sup> Langkah yang dilaksanakan oleh pihak pemerintah Indonesia ini sebenarnya bertujuan membantu penduduknya yang terlibat dalam sektor penanaman rumpai laut sebagai aktiviti utama untuk didagangkan ke luar negara.

## KESIMPULAN

Setelah meneliti setiap kronologi peristiwa yang membawa kepada wujudnya satu persetiaan penyerahan ke atas wilayah jajahan Barat pada era kolonialisasi, pengkaji merumuskan bahawa disebabkan persaingan pihak Barat terhadap monopolii perdagangan di Asia Tenggara pada abad ke-17 mengakibatkan kesan yang besar terhadap pentadbiran dan perkembangan masyarakat tempatan pada masa kini. Tindakan kolonialisasi tersebut menandatangani satu perjanjian pembahagian kawasan tanpa memikirkan terlebih dahulu implikasinya terhadap masyarakat di kawasan berkenaan akhirnya memberi impak terhadap keseluruhan tadbir urus tanah jajahan. Ekoran daripada Perjanjian London (1824), yang kemudian membawa kepada berlakunya Konvensyen pada tahun 1891 antara pihak British dengan pihak

Belanda sememangnya memberi kesan terhadap persempadanan dan ekonomi kawasan jajahan walaupun sudah lama mencapai kemerdekaan. Mengambil contoh Pulau Sebatik, sehingga abad ke-21 kini jelas dilihat kawasan pulau berkenaan dilihat mengalami perkembangan ekonomi dengan melibatkan kedua-dua negara, iaitu Malaysia dan Indonesia. Keterlibatan dua negara berjiran ini tidak dapat ditolak bagi membangunkan sebuah kawasan yang dikongsi secara bersama. Pelbagai kaedah yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan bagi membawa masyarakat tempatan yang tinggal di kawasan ini agar turut sama merasai arus kemodenan, namun masih terdapat sedikit kelompongan dan kepincangan yang wujud khususnya jika dilihat dari kaca mata pembangunan nasional ekoran pembangunan yang holistik sukar untuk dicapai, lebih-lebih lagi melibatkan kawasan sempadan. Oleh yang demikian, jelas membuktikan bahawa Perjanjian London 1824 sememangnya memberi kesan terhadap ekonomi Pulau Sebatik secara amnya dan kepada masyarakat tempatan di situ secara khasnya.

## NOTA

- 1 Perjanjian London 1824 tercetus akibat daripada siri persaingan dasar imperialisme Barat ke atas kawasan di Asia Tenggara, khususnya membabitkan Kepulauan Borneo. Sejarahnya dilihat mempunyai rentetan daripada satu peristiwa yang membabitkan kuasa kolonial Barat di Kepulauan Melayu iaitu pihak British dan Belanda. Situasi ini dapat dijelaskan apabila pada tahun 1809, pihak Belanda terpaksa meninggalkan kepulauan timur, termasuk Kepulauan Borneo yang telah mereka duduki selama dua dekad, walaupun tidak secara terus-menerus akibat daripada Perang Napoleon. Nicholas Tarling. British policy in the Malay Peninsula 1824–1871. *JMBRAS*. XXX(3). Oktober, 1969.  
Akibat Perang Napoleon, wilayah-wilayah Belanda di Kepulauan Hindia Timur yang ditakluk oleh British dan ditadbir oleh pegawaiannya dikembalikan semula kepada Belanda dalam Konvensyen pada 13 Ogos 1814. Namun begitu, peristiwa ini menimbulkan ketidakpuasan hati dalam kalangan pegawai-pegawai British ketika itu. Oleh yang demikian, bermulalah siri persaingan yang diiringi beberapa siri perjanjian atau persetiaan antara kedua-dua belah pihak dalam usaha meluaskan pengaruh di kawasan terbabit. Mills L.A. British Malays 1824–1867, *JRASMB*. Vol, pt.2.1925. Dalam; Nik Anuar Nik Mahmud. Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan; Isu persempadanan dan kedaulatan. Universiti Kebangsaan Malaysia.2003.hlm.11.
- 2 J.de.V. Allen et al. *A Collection of Treaties and other documents affecting the States of Malaysia (1761–1963)*. London.1981.hlm.288.
- 3 Merupakan keratan daripada sebahagian Perjanjian London. No.Fail 1426. North Borneo Company Archive. Between Great Britain and Netherlands, hlm.1–5.  
Di bawah Artikel VIII dan X perjanjian itu, Belanda bersetuju untuk menyerahkan kepada British wilayah-wilayah jajahannya di Tanah Besar Asia Tenggara, iaitu di India dan Semenanjung Tanah Melayu. Belanda juga bersetuju tidak akan mengambil sebarang tanah ataupun mengadakan hubungan dengan mana-mana negeri di semenanjung Tanah Melayu. Menurut Artikel IX, British pula menyerahkan kesemua wilayahnya di Sumatera kepada Belanda dan juga bersetuju untuk

- tidak mengambil sebarang wilayah ataupun mengadakan hubungan dengan mana-mana kerajaan di pulau tersebut, walaupun dalam perjanjian itu terdapat kenyataan yang menyebut kawasan Aceh sebagai sebuah negara yang merdeka. Seterusnya dalam Artikel III, kedua-dua pihak bersetuju untuk memberitahu antara satu sama lain sebarang perjanjian yang dibuat dengan mana-mana kerajaan tempatan di luar timur. Perjanjian ini merupakan Persetiaan antara Raja Great Britain dengan Raja Negeri Belanda berkaitan dengan wilayah dan perdagangan Hindia Timur yang ditandatangani pada 17 Mac 1824, di London. Terdapat 17 Perkara yang telah digariskan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang diwakili oleh George Canning sebagai wakil British dengan Charles Watkins Williams Wynn sebagai wakil Belanda. Lihat; Maxwell, W. G. & Gibson, W. S. *Perjanjian dan dokumen lama Malaysia, 1791–1965*. Institut Terjemahan Malaysia. 2009. hlm. 20–24.
- 4 No.Fail 1426. North Borneo Company Archive. Between Great Britain and Netherlands, hlm.1–5.
  - 5 Maxwell, W. G. & Gibson, W. S. *Perjanjian dan dokumen lama Malaysia, 1791–1965*. Institut Terjemahan Malaysia. 2009. hlm. 20–24.
  - 6 Peta pembahagian kawasan dan pangkalan antara British-Belanda berdasarkan Perjanjian London (1824) diubah suai daripada peta, “*The Island referred to in Article XII of the 1824 Anglo-Dutch Treaty and 19th correspondence*”. Lihat; *Reply of Malaysia, International Court of Justice; Case Concerning Sovereignty Over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rock & South Ledge*, Vol.1, 25 November 2005, hlm.37. Dalam Mat Zin Mat Kib. Pertikaian Sempadan di Borneo Utara. Universiti Utara Malaysia. 2013. hlm. 82.
  - 7 *Ibid*
  - 8 *Convention between The United Kingdom and The Netherlands Relating to the Boundary between The State of North Borneo and The Netherlands Defining Boundaries in Borneo, 20 June, 1891*. CO 874/503. Hasilnya, terbentuknya peta Pulau Sebatik (seperti dalam Peta 2).
  - 9 Pulau Borneo telah menjadi rebutan antara Belanda dengan British semenjak abad ke-19 lagi. Belanda menganggap pulau Borneo termasuk dalam wilayah pengaruhnya berdasarkan Perjanjian 1824, manakala British mendakwa sebaliknya. Lihat; Nik Anuar Nik Mahmud. (2003). *Pulau Sipadan dan Pulau Ligutan, isu sempadan dan kedaulatan*. Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm.11–19.
  - 10 Nugroho Eko Putro. (2016). Pengembangan pusat perdagangan wilayah perbatasan negara di Pulau Sebatik Provinsi Kalimantan Utara. Universitas Kanjuruhan Malang, hlm.2.
  - 11 Laporan Khas; Satu Pulau Milik Dua Negara. *Utusan Melaya*. 04 Januari 2014. Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah.
  - 12 Perjanjian ini dimeterai pada 24 Mac 1824 pada asalnya untuk menentukan sempadan kuasa pemilikan terhadap kawasan yang berada di Kepulauan Timur yang melibatkan dua kuasa Barat, iaitu Great Britain dan Belanda. Namun begitu, jika diteliti perjanjian ini seolah-olah tidak selesai walaupun sudah sekian lama dibincangkan, iaitu sejak tahun 1818 lagi dan masih tergantung berikutan kedua-dua pihak masih berselisih faham akan status tanah jajahan dan wilayah yang mereka peroleh. Keadaan ini berlaku disebabkan faktor ingin memelihara hubungan antara satu sama lain agar tidak tercetus pergaduhan di Eropah pada masa yang sama ingin memelihara kepentingan ekonomi masing-masing di kawasan Timur khususnya di Singapura dan Kepulauan Borneo. Huraian lanjut dapat dilihat dalam; Graham Irwin. (1986). *Borneo abad ke-19: Kajian mengenai persaingan diplomatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 75–77.
  - 13 Perjanjian ini dimeterai pada 20 Jun 1891 yang melibatkan kerajaan Belanda dan British di Kota

London yang mentakrifkan permasalahan sempadan wilayah antara Belanda dengan British di Pulau Borneo dengan menyentuh kawasan Pulau Sebatik. Huraian lanjut dapat dilihat dalam; Nik Anuar Nik Mahmud. (2003). *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu sempadan dan kedaulatan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 47.

- 14 Hubungan perbatasan atau sempadan banyak dibincangkan oleh penyelidik tempatan akan implikasinya terhadap masyarakat yang menetap di sebuah kawasan khususnya di Pulau Sebatik. Sempadan melambangkan identiti, kedaulatan, kuasa dan pengaruh negara atas subjeknya. Kegagalan mengawal sempadan bermakna negara akan hilang identitinya sebagai sebuah negara. Secara spesifiknya, Malaysia dan Indonesia berkongsi sempadan darat sepanjang 1782 kilometer yang terletak di Borneo dan juga Pulau Sebatik.  
Lihat; Ramli Dollah dan Modwin Robin, Pengurusan Sempadan Malaysia Indonesia di Pulau Sebatik; Satu Pendekatan Sosio-Ekonomi dalam kajian Pulau Sebatik; Pulau Dua Negara yang Terpinggir di Malaysia. Universiti Malaysia Sabah. 2018. hlm.126–129.
- 15 P.190/98 (17 November 1998) Joint Operations Graphic, Boundaries-International: Tawau, Malaysia: Indonesia. Peta ini diperoleh daripada Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah pada 11 Oktober 2022 dan merupakan simpanan peribadi penyelidik.
- 16 Perdagangan sempadan melibatkan Pulau Sebatik berikutnya terletak dalam garis sempadan dua negara. Perdagangan sempadan ditakrifkan sebagai pertukaran barang dan perkhidmatan di seluruh sempadan darat antarabangsa dalam jangkauan sehingga 30 kilometer. Walaupun perdagangan sempadan hanya menyumbang sebahagian kecil daripada jumlah perdagangan antarabangsa, namun tetap mempunyai kesan penting terhadap pembangunan ekonomi wilayah sempadan dan memainkan peranan penting dalam integrasi serantau di kawasan pedalaman. Lihat; Fauzie Sarjono et al. Memahami konsep perdagangan sempadan, perdagangan tukar barang & perdagangan informal rentas sempadan: Kajian kes Pulau Sebatik Malaysia-Indonesia, dalam *Journal of Social Sciences and Humanities* Vol.17, No.6. Universiti Kebangsaan Malaysia. 2020. hlm. 162.
- 17 Patok ini menjadi tanda wilayah perbatasan Indonesia dan Malaysia yang ditentukan berdasarkan konvensyen antara pemerintah kolonial Inggeris dengan Belanda pada tahun 1891 yang dikenali sebagai Konvensyen London kemudian pada tahun 1915 diperbaik dan diubah kepada Protokol London. Lihat; Muhammad Hairul Saleh. (2015). The Dynamics of Border Society (The Existence of Bugis Migrants in Sebatik Island North Kalimantan: Perspective of Cultural Studies) dalam *Jurnal Borneo Administrator*, Vol. 11, No.1. Universitas Mulawarman, hlm.3 5.
- 18 Pulau Sebatik merupakan salah satu daripada 92 pulau yang berada dalam Indonesia di bahagian sebelah timur laut Kalimantan. Kedudukan geografinya dinyatakan sangat unik dan agak rumit dari segi potensi konflik sempadan dengan negara jiran, seperti Malaysia. Paling unik kerana satu titik patok tapak batas negara Pulau Sebatik yang membelah Desa Sei Aji Kuning menjadi dua, iaitu milik Malaysia dan Indonesia. Patok ini merupakan salah satu batu sempadan daripada 18 buah batu sempadan (patok batas) yang terdapat di Pulau Sebatik. Lihat; Edwin Halim. (2018). Potensi Sumber Air Pulau Sebatik. Universitas Samarinda. hlm. 2.
- 19 Tidung bermaksud gunung, merupakan nama etnik yang berkaitan dengan asal usul keberadaan orang Tidung. Pada awalnya, majoriti orang Tidung ini menetap di kawasan perbukitan atau daratan yang lebih tinggi dan berhampiran dengan laut di wilayah Kalimantan. Ahmad Muthohar. (2015). *Islam Dayak: Dialektika identitas Dayak Tidung di Pulau Kalimantan*. Fatawa Publishing, hlm. 137.
- 20 Usman Idris. (2017, Disember). *Belimpun Taka Tugas, Insui Taka Tapu: Orang Tidung, marginalisasi dan perlawanan di Pulau Sebatik Nunukan*. Universitas Cenderawasih, hlm. 137.

- 21 *Ibid.*
- 22 Rumah Perbatasan, Patok 3 telah dijadikan bahan pameran dan koleksi untuk tinjauan para pelancong sejak tahun 2014 oleh pemerintah Republik Indonesia. Temu bual bersama pemilik rumah, di kawasan lapangan, Puan Hajah Hajerah Saing. 06 April 2023. Bertempat di Desa Sei Aji Kuning, Kecamatan Sebatik Tengah, Kabupaten Nunukan, Wilayah Provinsi Kalimantan Utara. Lihat juga; Rumah Perbatasan Malaysia – Indonesia terletak di Patok 3, Desa Sei Aji Kuning, Kecamatan Sebatik, Kabupaten Nunukan. Sumber: <https://regional.kompas.com/read/2016/08/16/07592931/rumah.warga.di.perbatasan.teras.di.wilayah.indonesia.dapur.di.malaysia>. Dikases pada; 12 Januari 2023.
- 23 Temu bual penduduk Desa Setabu, Kahar Manding (73 tahun), orang tertua di Pulau Sebatik.
- 24 Mosli Tarsat, Pensyarah Kanan di Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah, dalam *Utusan Melayu*. Laporan Khas; Satu Pulau Milik Dua Negara. Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah.04 Januari 2014.
- 25 Temu bual dengan Andi Paisal bin Andi Manurungge, Ketua Desa Sei Taiwan, Sebatik Utara, Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur, Indonesia pada 14 November 2022.
- 26 Republik Indonesia ialah sebuah negara kepulauan yang mengandungi lebih tiga belas ribu buah pulau. Oleh itu, negara Indonesia dikenali sebagai sebuah negara yang amat besar. Saiznya adalah lebih besar daripada keseluruhan keluasan Kesatuan Eropah. Sementara dari segi penduduknya pula, Indonesia ialah negara kelima paling ramai penduduknya di dunia. Penduduk Indonesia merupakan 45% daripada keseluruhan penduduk Asia Tenggara. Sungguhpun Indonesia sebuah negara besar berbanding dengan negara-negara lain di rantau Asia Tenggara, tetapi dari segi sebaran penduduk, kebudayaan, sejarah negara dan segala-galanya terpusat pada Pulau jawa semata-mata. Oleh itu, tidak menghairankan apabila didapati wayang, seni muzik, struktur sosial dan nasionalisme Indonesia adalah jauh lebih banyak bergantung pada Jawa berbanding dengan keseluruhan kawasan negara Indonesia yang lain. Lihat; Lukman Thaib. (1999). Senario politik dan ekonomi Indonesia, dalam *Jurnal Pemikir*, Jul.–Sept. *Utusan Melayu*, hlm. 85.
- 27 Pulau Nunukan terletak di sebelah timur laut Kalimantan dan bahagian utaranya berdekatan dengan daerah Tawau, sabah dengan keluasan kira-kira 235 kilometer persegi. Pulau Nunukan meliputi kelurahan dan desa seperti, Kelurahan Nunukan Utara (0.384 kilometer persegi), Kelurahan Nunukan Timur (10.7 kilometer persegi), Kelurahan Nunukan Barat (9.9 kilometer persegi), Kelurahan Nunukan Selatan (118.5 kilometer persegi) dan Desa Binusan (95.5 kilometer persegi). Jumlah penduduk di Pulau Nunukan seramai 22, 000 orang pada tahun 2002. Lihat; Abdul Rahim Anuar. Rubrik Pembangunan Pekan Sempadan Malaysia-Kalimantan: Tawau-Pulau Nunukan. Universiti Utara Malaysia. 2015. hlm.7.
- 28 Kabupaten Nunukan terletak antara  $115^{\circ}33'$  sehingga  $118^{\circ}3'$  Bujur Timur dan  $3^{\circ}15'00'$  sehingga  $4^{\circ}24'55''$  Lintang Utara merupakan wilayah paling utara di Propinsi Kalimantan Timur. Kedudukan Kabupaten Nunukan yang berada di kawasan perbatasan Indonesia-Malaysia menjadikan Kabupaten Nunukan sebagai kawasan yang strategik dalam peta lalu-lintas antara dua negara jiran. Wilayah Kabupaten Nunukan di sebelah utara bersempadan dengan Negara Malaysia Timur-Sabah, sebelah Timur dengan Sulawesi Selatan, sebelah selatan dengan Kabupaten Bulungan dan Kabupaten Malinau, sebelah Barat bersempadan secara langsung dengan Negara Malaysia Timur-Sarawak. Lihat; BPS Kabupaten Nunukan. Kabupaten Nunukan Dalam Angka 2009. hlm. 3.
- 29 Chairil Nur Siregar, et al. (2019). Ancaman Keamanan Nasional di Wilayah Perbatasan Indonesia: Studi Kasus Pulau Sebatik dan Tawau (Indonesia-Malaysia), dalam *Sosiologikal: Jurnal Pemikiran*

- dan Penelitian Sosiologi*, Vol. 4, No. 1, Disember 2019. Institut Teknologi Bandung, hlm. 27–29.
- 30 Bappeda Kabupaten Nunukan. Profil Kabupaten Nunukan 2008. hlm. 5.
- 31 Perayaan Sabah 100 Tahun. Tawau. Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah. 1980. hlm. 36.
- 32 Perayaan Sabah 100 Tahun. Tawau. Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah. 1980. hlm. 36.
- 33 Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021. Diakses pada 12 Disember 2022.
- 34 Tawau ialah pelabuhan yang ketiga pentingnya di Sabah selepas Kota Kinabalu dan Sandakan. Pada zaman sebelum Perang Dunia ke II perkhidmatan perkapalan di Tawau menghubungi pelabuhan ini dengan negara-negara asing seperti Jepun, China, Filipina dan Pulau Jawa. Peranannya memberi kemudahan di pelabuhan, yang memacu pertumbuhan ekonomi dan sosial di Tawau adalah sangat penting dan telah diakui oleh pihak berkuasa pentadbir Tawau sejak dari awal tahun 1900 lagi. Oleh itu kerja-kerja untuk memperbaik kemudahan pelabuhan ini terus dilakukan sejak awal penubuhannya. Pada tahun 1918 peruntukan sebanyak \$20.000 telah disediakan untuk menampung pembinaan dermaga baharu yang berukuran 150 kaki panjang dan 40 kaki lebar. Dermaga baharu ini telah membuka jalan kepada perkhidmatan perkapalan yang menghubungkan Tawau dengan pelabuhan Kobe dn Moji di Jepun, Hong Kong, Jakarta, Semarang dan Makasar. Sebelum Perang Dunia ke II juga, syarikat-syarikat perkapalan yang mengadakan khidmat perkapalan ke Tawau ialah Syarikat Sabah Starits Steamship, syarikat perkapalan Belanda Koninklijke Paketvaart Maatschappij dan syarikat Nanyo Kaium kabu Shiko Jepun. Sumber; Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah.
- 35 Ramli Dollah et al. (2018). *Pulau Sebatik pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia*. Lembaga Penelitian, Publikasi, dan Pengabdian Masyarakat, hlm. 14.
- 36 Mustapa Abdul Talip. Topografi dan Guna Tanah Pulau Sebatik Bagi Wilayah Sabah, Malaysia. Dalam; Ramli Dollah et al, *Pulau Sebatik, pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia*. Lembaga Penelitian, Publikasi dan Pengabdian Masyarakat. 2018. hlm.14.
- 37 Kaum Tidung merupakan kaum yang berasal dari Kalimantan Utara. Kaum ini juga merupakan penduduk asal yang dikenali sebagai anak negeri di Sabah. Oleh itu, kaum Tidung dikatakan sebagai satu masyarakat yang terdapat di negara Indonesia dan Malaysia khususnya negeri Sabah. Pada asalnya, kaum ini memiliki sebuah kerajaan yang dikenali sebagai Kerajaan Tidung, namun akhirnya musnah akibat campur tangan politik oleh pihak Belanda. Kaum ini banyak di temui di Sungai Sembakung dan Sungai Sebuku di Sebatik, Indonesia dan di daerah Tawau, Sabah dalam negara Malaysia. Lihat; T. King, Victor. *The people of Borneo*. Blackwell Publishers. 1993. hlm. 57  
Jumlah suku tidung di Indonesia dianggarkan seramai 52,000 orang, manakala di Malaysia berjumlah 27,000 orang ketika ini. *Tidung Ethnic People*. 11 Disember 2022. Sugih Biantoro. (2011). *Masyarakat perbatasan di Sebatik Masa Konfrontasi 1963–1966*. Universitas Indonesia, hlm. 3.
- 38 Orang Tidung merupakan penduduk asli Pulau Sebatik sejak abad ke-17 lagi, namun dengan tangan terbuka menerima kehadiran imigran seperti Bugis yang kemudian menjadi penguasa di Pulau Sebatik. Lihat; Muhammad Yamin Sani. (2018). Orang Tidung di Pulau Sebatik: Identitas etnik, budaya dan kehidupan keagamaan, dalam *Jurnal 'Al-Qalam'*, Vol. 24. No.1. Universitas Hasanuddin, hlm. 32.
- 39 *Ibid*, hlm. 33–35.
- 40 Terdapat beberapa pandangan mengenai asal usul kekerabatan suku Tidung. Sebahagian pendapat mengatakan mereka termasuk dalam suku Dayak, sehingga digelar Dayak Tidung. Pandangan

sebahagian yang lain pula, menganggap orang Tidung bukanlah daripada suku Dayak berikutan mereka telah lama memeluk agama Islam. Lihat; Sugih Biantoro. (2011). *Masyarakat perbatasan di Sebatik masa konfrontasi 1963–1966. Indonesia.* hlm. 3.

- 41 Di Sabah, kawasan yang paling kerap kali dicerobohi oleh Tentera Penceroboh Indonesia (TPI) ialah Pulau Sebatik. Sepanjang Konfrontasi, penyusupan dan pertempuran adalah paling banyak berlaku di Pulau Sebatik yang terletak di dalam Residensi Tawau. Lihat; Abdul Rahman bin Mad Ali. (2012). *Konflik bersenjata di sempadan Sabah-Kalimantan Timur pada era konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963–1966.* Universiti Malaysia Sabah, hlm. 115.  
Pulau Sebatik sebelum pembentukan Malaysia lagi telah menjadi antara sasaran utama penyusupan TPI ke atas wilayah Sabah. Penyusupan ini kemudianya telah membawa kepada berlakunya pertempuran malah tembak-menembak banyak dilaporkan di kawasan ini. Lihat juga; *North Borneo News & Sabah Times*, 9 Julai 1963. hlm.4
- 42 Sebatik sangat diwarnai oleh kehadiran orang Bugis (untuk pengembangannya) pasca konfrontasi Indonesia-Malaysia. Bugis mula bertapak di sini dan menetap sejak tahun 1967 khususnya di kawasan daerah Sebatik Induk oleh Bupati Bulungan sebagai wilayah perkebunan. Lihat; Sugih Biantoro. (2011). *Masyarakat perbatasan di Sebatik masa konfrontasi 1963–1966.* Universitas Indonesia. 2011. hlm. 5.
- 43 Pada bahagian barat Pulau Sebatik dihuni oleh penduduk asli, iaitu suku Tidung, namun pada bahagian Timur belum ada orang yang mendiaminya. Disebabkan konfrontasi baharu sahaja selesai, menyebabkan wilayah sempadan ini dijaga oleh pihak tentera Indonesia. Lalu orang Bugis meminta izin agar dapat memasuki Pulau Sebatik dan membuka hutan bagi membuat aktiviti pertanian (*ma'dare'*) dan telah diizinkan. Lihat; Emilia. R. (2014). *Aktiviti ekonomi tidak formal rentas sempadan: Implikasi ke atas hubungan dua hala Malaysia-Indonesia.* Universiti Malaysia Sabah, hlm. 32.
- 44 Sungai Pancang dan Sungai Melayu, selain Sungai Aji Kuning merupakan kawasan yang berada di batas darat Pulau Sebatik Malaysia-Indonesia yang menjadi laluan searian masyarakat Pulau Sebatik yang tinggal di kawasan perbatasan atau sempadan. Menurut Pengurus Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Sungai Melayu, Sebatik Malaysia, Nuliung Bakri (78 tahun) rakyat dan masyarakat di sini sangat harmoni, tiada apa yang perlu digaduhkan memandangkan rakyat kedua-dua negara yang berkongsi pulau ini saling bergantung antara satu sama lain. Bukti, penduduk di sini sudah tidak kisah untuk keluar masuk sempadan tanpa halangan. Malah mereka melakukan solat Jumaat di wilayah Indonesia tanpa ada sekatan. Lihat; *Utusan Malaysia*, Sabtu: 4 Januari 2014. Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah.
- 45 Semakin lama semakin ramai pendatang yang berasal dari Sulawesi Selatan, Indonesia khususnya dari kawasan Bone datang ke Pulau Sebatik, dikenali sebagai bangsa Bugis Bone. Lama-kelamaan, kedatangan bangsa Bugis di sini bukan sahaja tertumpu di kawasan Sungai Pancang, namun turut menempatkan diri di wilayah Sebatik yang lain seperti Sungai Aji Kuning atau Desa Sei Kuning, kawasan perbatasan Malaysia-Indonesia. Mereka bekerja sebagai petani dan nelayan. Di samping, terdapat juga masyarakat Bugis yang pada asalnya bekerja di Tawau sebagai Tenaga Kerja Indonesia (TKI), datang dan membina keluarga di Pulau Sebatik berikutan keadaan taraf warganegara yang dimiliki menyukarkan mereka menetap lebih lama di bahagian Malaysia. Lihat; Haning Romdiati dan Mita Noveria. (2019). Dimensi Mobilitas Penduduk; Berpindah bukan untuk Menetap, dalam *Jurnal Kependudukan Indonesia*, Vol. 14, No. 2, Disember. Penelitian

- Kependudukan, Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia, hlm. 190.
- 46 Ramlah Daud. (2010). *Budaya dan persoalan identiti dalam kalangan komuniti Bugis di persempadanan Pulau Sebatik Sabah*. Malaysia Sabah, hlm. 39
- 47 Suraya Sintang. (2007). *Sejarah dan Budaya Bugis di Tawau, Sabah*. Persatuan Kebajikan Bugis Sabah dan Universiti Sains Malaysia, hlm. 45.
- 48 Kemasukan etnik Bugis ke daerah Tawau bukan sahaja atas faktor ekonomi seperti mencari pekerjaan, namun sekitar pertengahan tahun 80-an, kedatangan mereka lebih didorong oleh faktor politik Sabah ketika itu. Hal ini kerana, sekitar tahun 1981–1985 berlaku perkembangan politik dalam negeri Sabah yang melibatkan parti-parti politik BERJAYA. Justeru, salah satu isunya ialah pemberian Kad Pengenalan Biru atau National Registration Identity Cards kepada kumpulan imigran. Lihat; James P. Ongkili. (1986). *Nation building in Malaysia 1946–1974*. Oxford University, hlm. 73.
- 49 Menurut Anuar Patagang (50 tahun), sepanjang 30 tahun dia bersama isterinya yang merupakan warganegara Indonesia, tinggal dan menetap di Desa Sei Aji Kuning, mereka tidak menghadapi sebarang masalah sama ada daripada pihak berkuasa Indonesia maupun Malaysia. Beliau memiliki kerakyatan Malaysia walaupun berasal dari Gowa, Makassar dan telah mengundi sebanyak tiga kali semasa pilihan raya di Malaysia. Menurutnya, Sembilan anak mereka dilahirkan di Tawau dan menetap di seberang (Sungai Aji Kuning, wilayah Malaysia).
- 50 Amirah Abdin, et al.. (2021). *Aksesibiliti bekalan air terawat dan cabaran sekuriti air di Pulau Sebatik, Malaysia*. Universiti Malaysia Sabah, hlm. 23.
- 51 Mustapa Abd Talip. Topografi dan Guna Tanah Pulau Sebatik bagi wilayah Sabah, Malaysia". Dalam; Ramli Dollah et al., (2018). *Pulau Sebatik, pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia*. Lembaga Penelitian, Publikasi dan Pengabdian Masyarakat, hlm. 14
- 52 Ramlah Daud. (2010). *Budaya dan persoalan identiti dalam kalangan komuniti bugis di persempadanan Pulau Sebatik Sabah*. Universiti Malaysia Sabah, hlm. 32.
- 53 Sonny Sudiar. (2012). Kebijakan pembangunan perbatasan dan kesejahteraan masyarakat di wilayah perbatasan Pulau Sebatik, Indonesia, dalam *Jurnal Paradigma*, Vol.1 No.3. Universitas Mulawarman, hlm. 398.
- 54 Kewujudan tiga kecamatan baharu dipanggil sebagai kemekaran oleh sarjana Indonesia. Pemekaran ini ditanda dengan pengesahan dalam Peraturan Daerah No.25 Tahun 2011 "Pembentukan Kecamatan Sebatik Timur, Sebatik Utara dan Sebatik Tengah di Lingkungan Pemerintahan Kabupaten Nunukan", pada 10 Ogos 2011. Kemudian disusuli dengan pengisian Struktur Pemerintahan Kecamatan pada 27 Oktober 2011 berdasarkan keputusan Bupati Nunukan dengan No.821.2/1992/BKDD-III/X/2011. Kementerian Perencanaan Pembangunan Nasional / BAPPENAS. RPJNM 2010–2014. Direktorat Kawasan Khusus dan Daerah Tertinggal. 2010.
- 55 International Boundary Study, 15 March 1965, diarkibkan daripada yang asal pada 27 Februari 2009.
- 56 Henry Darwanto. Strategi dan Model Pengembangan Wilayah Perbatasan Kalimantan, (Indonesia: Direktorat Pengembangan Kawasan Khusus dan Tertinggal Deputi Bidang Otonomi Daerah dan Pengembangan Regional, 2003), hlm. 5
- 57 Badan Pusat Statistik (BPS), Kabupaten Nunukan.2010.4,2633,875
- 58 Perayaan Sabah 100 Tahun, Arkib Negeri Cawangan Sabah. Diperoleh pada 10 Mac 2023.
- 59 Perayaan Sabah 100 Tahun, Arkib Negeri Cawangan Sabah. Diperoleh pada 10 Mac 2023.
- 60 Pelabuhan Tawau menjalani pengubahsuaian (dibesarkan) pada tahun 1974 berikutan kemudahan dan fungsi pelabuhan ini semakin berkembang menerusi Rancangan Malaysia Ketiga. Diperoleh

- daripada; Perayaan Sabah 100 Tahun, Tawau. Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah.
- 61 Robert Siburian, merupakan penyelidik yang membuat kajian berkaitan dengan Pulau Sebatik pada tahun 2011. Menghasilkan sebuah penulisan bertajuk, “Pulau Sebatik: Kawasan perbatasan Indonesia Beraroma Malaysia”, merupakan kajian berdasarkan penelitian terhadap masyarakat yang berada di Pulau Sebatik, Kabupaten Nunukan, Kalimantan Utara.
- 62 Abdul Rahim Anuar. (2015). Rubrik pembangunan pekan sempadan Malaysia-Kalimantan: Tawau-Pulau Nunukan. Sintok, hlm.2
- 63 Sari, Betti Rosita. “Pengembangan ekonomi dan potensi sumber daya lokal dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Perbatasan Nunukan-Tawau”. Dalam I Ketut Ardhana, dkk., Etnisitas, Pengembangan Sumber Daya Lokal dan Potensi Perdagangan Internasional dalam Rangka Peningkatan Kesejahteraan Masyarakat Nunukan, Kalimantan Timur. LIPI Press. 2009. hlm. 198–199.
- 64 Pulau Sebatik dinyatakan berperanan sebagai “pintu kecil” yang menjadi jalan dalam membina hubungan damai di antara negara Malaysia dan Indonesia menerusi aktiviti harian penduduk tempatan yang berada di pulau ini. Lihat; Purnawan Basubdoro. (2010). *Pulau Sebatik sebagai pintu kecil hubungan Malaysia-Indonesia*. Universitas Airlangga, hlm. 1
- 65 Fauzi Sarjono, et al. (2020). Memahami konsep perdagangan sempadan, perdagangan tukar barang dan perdagangan rentas sempadan: Kajian kes Pulau Sebatik Malaysia-Indonesia dalam *Journal of Social Sciences and Humanities* Vol.17, No.6, 160–180. ISSN: 1823-884x, hlm. 164–165.
- 66 *New Sabah Times*. Kg. Sungai Melayu, Sebatik punyai potensi untuk jadi pusat pelancongan. (Sabtu). 22 Februari 2014. Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah.
- 67 Nugroho Eko Putra. (2016). *Pengembangan pusat perdagangan wilayah perbatasan negara di Pulau Sebatik Provinsi Kalimantan Utara*. Universitas Kanjuruhan Malang, hlm.5.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan ribuan terima kasih kepada Jabatan Arkib Negeri Sabah kerana memberi keizinan menggunakan bahan dan gambar untuk penerbitan makalah ini.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Mad Ali. (2012). *Konflik bersenjata di sempadan Sabah-Kalimantan Timur pada era konfrontasi Indonesia-Malaysia 1963–1966*. Universiti Malaysia Sabah.
- Abdul Rahim Anuar. (2015). *Rubrik pembangunan pekan sempadan Malaysia- Kalimantan: Tawau-Pulau Nunukan*. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Muthohar. (2015). *Islam Dayak: Dialektika identitas Dayak Tidung di Pulau Kalimantan*. Fatawa Publishing.
- Amirah Abdin, Nordin Sakke & Adi Jafar. (2021). Aksesibiliti bekalan air terawat dan cabaran sekuriti air di Pulau Sebatik, Malaysia. *Manu: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa*, 32(1), 19–49
- Bappeda Kabupaten Nunukan. *Profil Kabupaten Nunukan 2008*.
- BPS Kabupaten Nunukan. (2009). *Kabupaten Nunukan Dalam Angka*.

- Chairil Nur Siregar, Sutiadi Rahmansyah & Epin Saepudin (2019). Ancaman keamanan nasional di wilayah perbatasan Indonesia: Studi kasus Pulau Sebatik dan Tawau (Indonesia-Malaysia). *Sosiologikal :Jurnal Pemikiran dan Penelitian Sosiologi*, 4(1), Disember, 26–39.
- CO 874/503. (1891). Convention between The United Kingdom and The Netherlands Relating to The Boundary between The State of North Borneo and The Netherlands defining boundaries in Borneo, 20 June,1891.
- Edwin Halim. (2018). *Potensi sumber air Pulau Sebatik*.Universitas Samarinda.
- Emilia, R. (2014). *Aktiviti ekonomi tidak formal rentas sempadan: Implikasi ke atas hubungan dua hala Malaysia-Indonesia*. Universiti Malaysia Sabah.
- Fauzie Sarjono, Kartinie Aboo Talib @ Khalid, & Chan, Rachel Suet Kay. (2020). Memahami konsep perdagangan sempadan, perdagangan tukar barang & perdagangan informal rentas sempadan: kajian kes Pulau Sebatik Malaysia-Indonesia. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(6), 160–180.
- Haning Romdiati & Mita Noveria. (2019). Dimensi mobilitas penduduk: Berpindah bukan untuk menetap. *Jurnal Kependudukan Indonesia*, 14(2), Disember, 185–197.
- Irwin, Graham. (1986). *Borneo abad kesembilan belas: Kajian mengenai persaingan diplomatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). Diakses pada 12 Disember 2022.
- Allen, J.de.V., Stockwell, A. J., Wright, L. R. (1981). *A collection of treaties and other documents affecting the States of Malaysia* (1761–1963). Oceana Publications, Inc.
- Kementerian Perencanaan Pembangunan Nasional / BAPPENAS. *RPJNM 2010–2014*. Direktorat Kawasan Khusus dan Daerah Tertinggal. No.821.2/1992/BKDD-III/X/2011.
- Lukman Thaib. (1999). Senario politik dan ekonomi Indonesia. *Jurnal Pemikir*, Jul–Sept. Utusan Melayu.
- Maxwell, W. G & Gibson, W. S. (2009). *Perjanjian dan dokumen lama Malaysia, 1791–1965*. Institut Terjemahan Malaysia.
- Mills, L. A. (1925). British Malays 1824–1867. *JRASMB*.Vol, pt.2.
- Muhammad Hairul Saleh. (2015).The dynamics of border society (the existence of Bugis migrants in Sebatik Island North Kalimantan: Perspective of cultural studies). *Jurnal Borneo Administrator*, 11(1), 31–48. <https://doi.org/10.24258/jba.v11i1.184>
- Muhammad Yamin Sani (2018). Orang Tidung di Pulau Sebatik: Identitas etnik, budaya dan kehidupan keagamaan. *Al-Qalam: Jurnal Penelitian Agama dan Sosial Budaya*, 24(1), 31–40. <http://dx.doi.org/10.31969/alq.v24i1.445>
- Mustapa Abd Talip. Topografi dan guna tanah Pulau Sebatik bagi wilayah Sabah, Malaysia. Dalam Ramli Dollah et al., (2018). *Pulau Sebatik, pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia*. Lembaga Penelitian, Publikasi dan Pengabdian Masyarakat
- Nicholas Tarling. (1969). British policy in the Malay Peninsula 1824–1871. *JMBRAS*, XXX,3. Oktober.
- Nik Anuar Nik Mahmud. (2003). *Pulau Sipadan dan Pulau Ligitan: Isu persempadanan dan kedaulatan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.

- New Sabah Times. *Kg. Sungai Melayu, Sebatik punyai potensi untuk jadi pusat pelancongan.* (Sabtu). 22 Februari 2014. Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah.
- No. Fail 1426. North Borneo Company Archive.
- North Borneo News & Sabah Times.* (1963). 9 Julai 1963.
- Nugroho Eko Putro. (2016). *Pengembangan pusat perdagangan wilayah perbatasan negara di Pulau Sebatik Provinsi Kalimantan Utara.* Universitas Kanjuruhan Malang.
- Ongkili, James P. (1986). *Nation building in Malaysia 1946–1974.* Oxford University.
- Perayaan Sabah 100 Tahun. (1980). *Tawau.* Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah.
- Purnawan Basubdoro. (2010). *Pulau Sebatik sebagai pintu kecil hubungan Malaysia-Indonesia.* Universitas Airlangga.
- Ramlah Daud. (2010). Budaya dan persoalan identiti dalam kalangan komuniti Bugis di persempadanan Pulau Sebatik, Sabah (kajian ke atas Kampung Sungai Aji Kuning, Sebatik Malaysia dan Desa Sei Aji Kuning, Sebatik Indonesia). (Tesis Sarjana tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah.
- Ramli Dollah, Ahmad Sahide, Nordin Sakke, Mustapa Abd. Talip & Wan Shawaluddin Wan Hassan. (2018). *Pulau Sebatik: Pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia.* Lembaga Penelitian, Publikasi, dan Pengabdian Masyarakat.
- Ramli Dollah & Modwin Robin. (2018). *Pengurusan sempadan Malaysia Indonesia di Pulau Sebatik: Satu pendekatan sosio-ekonomi dalam kajian Pulau Sebatik; Pulau dua negara yang terpinggir di Malaysia.* Universiti Malaysia Sabah.
- Sari, Betti Rosita. (2009). *Pengembangan ekonomi dan potensi sumber daya lokal dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat di perbatasan Nunukan-Tawau.* Dalam I Ketut Ardhana, dkk., *Etnisitas, Pengembangan Sumber Daya Lokal dan Potensi Perdagangan Internasional dalam Rangka Peningkatan Kesejahteraan Masyarakat Nunukan, Kalimantan Timur.* LIPI Press. 2009.
- Sonny Sudiar. (2012). Kebijakan pembangunan perbatasan dan kesejahteraan masyarakat di wilayah perbatasan Pulau Sebatik, Indonesia. *Jurnal Paradigma*, 1(3), 389–401.
- Sugih Biantoro.(2011). *Masyarakat perbatasan di Sebatik masa konfrontasi 1963–1966.* Universitas Indonesia.
- Suraya Sintang. (2007). *Sejarah dan budaya Bugis di Tawau, Sabah.* Persatuan Kebajikan Bugis Sabah dan Universiti Sains Malaysia.
- Temu bual penduduk Desa Setabu, Kahar Manding (73 tahun), orang tertua di Pulau Sebatik. Temu bual bersama Andi Paisal bin Andi Manurunge, Ketua Desa Sei Taiwan, Sebatik Utara, Kabupaten Nunukan, Kalimantan Timur, Indonesia pada 14 November 2022.
- Usman Idris. (2017). Belimpun Taka Tugas, Insui Taka Tapu: Orang Tidung, marginalisasi dan perlawanannya di Pulau Sebatik. Nunukan. *Etnosia: Jurnal Etnografi Indonesia*, 2(2), 134–152.
- Utusan Malaya. Laporan Khas: *Satu Pulau Milik Dua Negara.* Arkib Negara Cawangan Negeri Sabah. 04 Januari 2014.
- Victor, T. King. (1993). *The people of Borneo.* Blackwell Publishers.